Aplikasi Sistem Geospacial and Planning Approval Smart System (GeoPASS) Kulai merupakan inovasi Jabatan Perancang di dalam mengawal, mengurus dan merancang pembangunan yang terdapat dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai. Pembangunan Aplikasi GeoPAS yang berasaskan *web enable* diintegrasikan dengan sistem bayaran, Mobile App dan GIS ini mampu untuk mengurus permohonan KM dalam masa yang ditetapkan dalam piagam pelanggan. Seajar dengan kehendak dan keperluan semasa, maklumat boleh diperolehi dengan pantas dan mudah.

Bagi Mobile Apps GeoPASS MPKulai boleh dimuat turun di 'AppStore' dan 'Google Store'. Selain itu, Aplikasi GeoPASS MPKulai ini juga boleh digunakan melalui *Dekstop PC* dan boleh diakses di web berikut : <http://geopass.mpkulai.gov.my>

Manakala untuk membuat semakan lot tanah, zoning serta charting terkini, boleh akses terus ke *GIS Online* di web yang sama. Sila klik Ikon *GIS Online* dan seterusnya mendaftar dahulu. *GIS Online* juga boleh diakses orang awam dan pihak tuan boleh mewartakan kepada semua pihak.

Pembangunan Aplikasi Sistem GeoPAS ini akan memaparkan maklumat *spatial* dan *non-spatial* dalam bentuk aplikasi yang interaktif.




**Logo Geospatial and Planning Approval Smart System (GeoPASS)**

### Carta Permohonan Km Bagi Tahun 2021



### Carta Pelbagai Bagi Tahun 2021



### Jadual Permohonan Km Mengikut Status Bagi Tahun 2021

BIL	KATEGORI	DALAM TINDAKAN	LULUS	LULUS BERSYARAT	TANGGUH	TOLAK	TARIK BALIK	JUMLAH	JUMLAH CAJ PEMAJUAN (RM)
1.	KEBENARAN MERANCANG	15	11	0	0	0	0	26	0.00
2.	KEBENARAN MERANCANG SEMENTARA	1	4	0	0	1	0	6	0.00
3.	ULASAN PB/PJ	0	0	0	0	0	0	0	0.00
4.	KM/PJPB	12	5	0	0	0	0	17	0.00
JUMLAH KESELURUHAN:		28	20	0	0	1	0	49	0.00
JUM. PERUBAHAN MATERIAL BANGUNAN - PUSAT JAGAAN, TASKA, TADIKA, SEKOLAH SWASTA		12	5	0	0	0	0	17	

### Jadual Permohonan Km Mengikut Tahun 2021

BIL	KATEGORI	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
1	KEBENARAN MERANCANG	0	0	33	3	3	4	8	26	1	98
2	KEBENARAN MERANCANG SEMENTARA	11	9	18	1	2	2	5	6	0	94
3	ULASAN PB/PJ	0	0	0	4	2	0	0	0	0	6
4	KM/PJPB	0	0	0	0	0	31	29	17	2	79
JUMLAH KESELURUHAN:		11	9	51	8	47	37	62	49	13	277

## Jadual Pelbagai Mengikut Status Bagi Tahun 2021

BIL	KATEGORI	DALAM TINDAKAN	LULUS	LULUS BERSYARAT	TANGGUH	TOLAK	TARIK BALIK	JUMLAH
1.	ADUAN	0	0	0	0	0	0	0
2.	ARAHAN KELULUSAN	0	0	0	0	0	0	0
3.	ARAHAN PEMATUHAN	0	0	0	0	0	0	0
4.	CAJ PEMAJUAN	2	0	0	0	0	0	2
5.	FGD (FOCUS GROUP DISCUSSION)	5	0	0	0	0	0	5
6.	JEMPUTAN/SEMINAR/BENGGEL	26	0	0	0	0	0	26
7.	KURSUS PEGAWAI	14	0	0	0	0	0	14
8.	LAIN - LAIN	103	1	0	0	0	0	104
9.	MAKLUMBALAS KM/KMT	1	0	0	0	0	0	1
10.	MEMO ANTARA JABATAN	135	0	0	0	0	0	135
11.	MENARA TELEKOMUNIKASI	0	0	0	0	0	0	0
12.	PANGGILAN MESYUARAT	65	2	0	0	0	0	67
13.	PAPAN IKLAN	0	0	0	0	0	0	0
14.	PERMOHONAN CCC/CFO	0	0	0	0	0	0	0
15.	PERMOHONAN MAKLUMAT/RIZAB	20	0	0	0	0	0	20
16.	PERMOHONAN TANAH KERAJAAN	0	0	0	0	0	0	0
17.	PERMOHONAN ULASAN/SOKONGAN	17	0	0	0	0	0	17
18.	PROGRAM AGENSI LUAR	43	0	0	0	0	0	43
19.	SEMAKAN STATUS TANAH/PROJEK	6	0	0	0	0	0	6
20.	TEMUJANJI	3	0	0	0	0	0	3
JUMLAH KESELURUHAN :		440	3	0	0	0	0	443

## LATAR BELAKANG MURNINETS 2.0

PLANMalaysia telah menjalankan kajian penambahbaikan MURNInets yang dikenali kini sebagai MURNInets 2.0 pada tahun 2017. MURNInets 2.0 merangkumi 6 dimensi, 22 tema dan 43 penunjuk.

Melibatkan 27 penunjuk untuk tindakan penyediaan data oleh Pusat Operasi MURNInets PBT (POM PBT) dan 16 penunjuk adalah untuk tindakan oleh Pusat Operasi MURNInets Negeri (POMN)/ PLANMalaysia@Negeri.

Kajian penambahbaikan MURNInets ini telah melibatkan ujicuba bagi enam (6) PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Majlis Daerah Gerik (MDG) dan lima (5) PLANMalaysia@Negeri.


Sebanyak empat (4) siri bengkel dan tiga (3) mesyuarat dan perbincangan bersama PBT, PLANMalaysia@Negeri dan agensi-agensi pembekal data telah diadakan bagi membincangkan secara terperinci mengenai dapatan data dan keperluan setiap penunjuk yang akan digunakan.

### TUJUAN MURNINETS 2.0

- Menyelaras dan menambahbaik penunjuk kemampuan sedia ada dengan mengambil kira perubahan dasar, ulasan pihak berkuasa tempatan (PBT), ulasan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan pihak berkepentingan yang berkaitan;
- Mengenalpasti keperluan semasa, dapatan data dan agensi pembekal bagi menghasilkan penunjuk kemampuan yang relevan;
- Menyelaras dan menyusun semula tugas-tugas Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK), Pusat Operasi MURNInets Negeri (POMN) dan Pusat Operasi MURNInets (POM) PBT; dan
- Mengemaskini kamus MURNInets dengan lebih sistematik dan menepati keperluan pihak terlibat.

### OBJEKTIF PELAKSANAAN MURNINETS 2.0

- Menilai dan menentukan kemampuan kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara berdasarkan satu set penunjuk terpilih
- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan di kawasan PBT berdasarkan penunjuk kemampuan tersebut
- Mencadangkan langkah penambahbaikan dan mengenal pasti peluang untuk meningkatkan tahap kemampuan sesuatu Kawasan
- Memastikan MURNInets 2.0 sebagai alat pengukuran utama untuk PBT bagi memantau tahap kemampuan kawasan mereka dan sebagai panduan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, agensi teknikal, pihak swasta dan awam serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).





PIHAK BERKUASA TEMPATAN	D1 Ekonomi Berdaya Saing	D2 Kualiti Persekitaran Mampuan	D3 Komuniti Sejahtera	D4 Gunatanah & Sumber Asli Optimum	D5 Infrastruktur & Pengangkutan Efisien	D6 Urus Tadbir Elektrik	STATUS KEMAMPAHAN	
							2020	2019
MB Johor Bahru	1.00	0.88	0.93	0.92	0.90	1.00	93.78%	91.00%
MB Iskandar Puteri	1.00	0.94	0.83	0.83	0.95	0.96	92.87%	93.00%
MP Batu Pahat	0.93	1.00	0.96	0.92	0.73	0.85	86.09%	88.00%
MP Kluang	0.83	1.00	0.87	0.88	0.56	0.89	84.93%	83.00%
MP Kulai	0.75	1.00	0.78	0.75	0.73	0.85	82.07%	88.00%
MP Muar	0.88	1.00	0.82	0.83	0.65	0.78	81.21%	81.00%
MP Pasir Gudang	1.00	0.94	1.00	1.00	0.79	0.80	93.27%	96.00%
MP Segamat	0.83	0.92	0.86	1.00	0.87	0.91	85.18%	85.00%
MP Pengerang	1.00	1.00	0.77	0.96	0.73	0.70	86.42%	89.00%
MD Kota Tinggi	1.00	0.92	0.79	0.88	0.67	0.85	86.82%	89.00%
MD Labis	0.83	0.92	0.80	0.82	0.67	0.78	81.37%	84.00%
MD Mersing	0.88	0.88	0.84	0.79	0.73	0.85	83.54%	83.00%
MD Pontian	0.88	0.83	0.93	0.92	0.60	0.81	82.71%	73.00%
MD Simpang Renggam	0.75	1.00	0.83	0.79	0.75	0.85	83.83%	77.00%
MD Tangkak	0.88	0.92	0.77	0.86	0.43	0.86	82.80%	85.00%
MD Yong Peng	1.00	0.94	0.93	0.92	0.90	0.93	93.80%	73.00%
JUMLAH	0.90	0.94	0.82	0.89	0.73	0.87	86.33%	85%

MAMPAN (Malah 80%)

SEDERHANA MAMPAN (50%-79%)

KURANG MAMPAN (kurang 49%)

13

## UNIT KESEJAHTERAAN BANDAR DAN LESTARI

- Urusetia Jawatankuasa Lalu Lintas (Pelaporan Bulanan PAJ)
- Taskforce Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ)
- Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon 2025 (*Low Carbon Society*)
- Pengangkutan Awam Johor (PAJ)
- Program MPKu (Local Agenda 21) / Program Gerak Tumpu / Program Ahli Majlis dan lain-lain program.
- Program IRDA (Keselamatan dan Program)
- Urusetia Jawatankuasa Pelancongan & Alam Sekitar (Bulanan)
- Program-program pembangunan wilayah bersama Pihak berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia (IRDA) meliputi :
  - Pelan Tindakan Bandar Pintar / *Smart City Action Plan* (SCAP)
  - Iskandar Malaysia River Monitoring Tools* (IMRMMT)
  - Iskandar Malaysia Urban Observatory* (IMUO)
  - Penerbitan *Localized Sustainable Development Goals* (SDGs)
  - Global Cities Future Programme : Smart Intergrated Mobility Mangement System* (SIMMS)
- Pegawai KPI Jabatan / Peringkat MPKu (Urusetia Penyelarasan)
  - Pengauditan Sistem Penarafan Bintang
  - Pengauditan Sijil ISO
  - Bajet Tahunan Jabatan
  - Pelan Strategik
- Pelaksanaan program-program kemasyarakatan di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (PlanMAS) serta agensi-agensi yang berkaitan
- Pelaksanaan program-program di bawah Iskandar Malaysia (IRDA)
- Program Bandar Selamat
- Program Bandar Mampuan
- Program Bandar Lestari
- Program Dasar Pembangunan Negera (DPN)
- Projek Penswastan dan Usahasama
- Setinggan / Dasar Perumahan Negeri

## SEKITAR PENCAPAIAN JABATAN BAGI TAHUN 2020

- Tersenarai sebagai 10 bandar Bahagia bagi tahun 2019 (Penganugerahan tahun 2020 bersempena Hari Kebahagiaan Sedunia 2020).
- Pencapaian Bandar Mapan (83 %) bagi tahun 2019 tahun 2019 (Penganugerahan tahun 2020).
- Anugerah *Special Mention Award* GAIA bagi bangunan MPKu.

## Kakitangan Bahagian Perancangan Bandar



### PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

#### *Draf Rancangan Rancangan Kawasan Khas Sungai Skudai*

Tarikh : 14 Oktober 2021 – 14 November 2021

Tempat : Pejabat Majlis Perbandaran Kulai, Pejabat PLANMalaysia@Johor dan Pejabat Daerah Kulai.



## Sekitar Aktiviti Jabatan Perancangan Bandar MPKu bagi tahun 2021

### Sesi Libat Urus Lawatan Menteri Besar Johor Bersama Kepimpinan Daerah Kulai Sempena Belanjawan Johor 2022

Tarikh : 11 November 2021

Tempat : Pejabat Daerah Kulai dan Majlis Perbandaran Kulai



### Aktiviti Penguatkuasaan Bersepadu Bersama Jabatan Imigresen dan PDRM

Tarikh : 30 Ogos 2021

Tempat: Taman Scientex Utama, Senai



**Program Yasinan Bahagian Perancang Bandar bersama Bahagian Landskap**

Tarikh : 01 April 2021

Tempat : Ruang Pejabat Bahagian Perancang Bandar Dan Landskap



**Program Sambutan Hari Lahir Bagi Bulan Kelahiran Januari – Disember 2021**



**Program Kitar Semula Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia**

Tarikh : 3 November 2021 (Rabu)

Tempat : Dewan Raya Bandar Putra, Kulai



**Sekitar Sesi Libat Urus dan Lawatan ke MPKu bagi Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Johor**

Tarikh : 3 November 2021 (Rabu)

Tempat : Bilik Mesyuarat Blok B, MPKu



## Sekitar Sesi Bengkel Pengiraan dan 'Emission Compiler' Gas Rumah Kaca Iskandar Malaysia

Tarikh : 22 November 2021 (Isnin)

Tempat : Hotel JEN, Puteri Harbour, Iskandar Puteri



## Keadaan tapak semasa Operasi Bersepadu dijalankan di tempat kejadian

Tempat : Jalan Pulau Mesra, Bandar Baru Kangkar Pulai

Tarikh: 12 oktober 2020



Tempat :Jalan Industri Saleng 3, Mukim Senai, Daerah Kulai, Johor  
Tarikh: 13 Januari.2021



Tempat : Jalan Bersebelahan Jalan Permai, Taman Permai, 81000 Kulai, Johor  
Tarikh: 31 Mei 2021



**Kebun Kejiranan Majlis Perbandaran Kulai di sekitar Taman Putri**

- Lawatan tapak di Taman Putri
- Keadaan di tapak





**PLANMalaysia**

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
Planning : Beyond Conventional

# SIJIL PENYERTAAN

**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada*

**MAJLIS PERBANDARAN KULAI**

*atas penyertaan dan komitmen menjayakan*

**PROGRAM PENGUKURAN BANDAR MAMPAN MALAYSIA**

*melalui*



*Sempena*

**HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2021**



*pada*

**9 November 2021  
PUTRAJAYA**

**YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan





MAJLIS PERBANDARAN KULAI

# *Sijil Penyertaan*

PERTANDINGAN REKA CIPTA BAHAN KITAR SEMULA  
SEMPENA SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN  
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI TAHUN 2021

## *Saguhati*



HAJI NATAZHA BIN HARISS  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KULAI



## BAHAGIAN LANDSKAP

Menjadikan Majlis Perbandaran Kulai sebagai Bandar Dalam Taman selaras dengan wawasan kerajaan Negeri Johor.

### FUNGSI UTAMA

- Menyelaras dan menguruskan pembangunan landskap Majlis Perbandaran Kulai selaras dengan polisi, dasar dan garis panduan landskap.
- Menyelaras dan menyusun atur dan mengemaskini operasi harian unit-unit di bawah pentadbiran jabatan.
- Memastikan garis panduan landskap yang lengkap, terkini, dan teratur digunapakai dalam keseluruhan aspek pentadbiran Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Kulai.
- Mengenalpasti kawasan bagi perancangan dan pelaksanaan elemen Landskap dan rekreasi.
- Merekabentuk, menyelenggara dan memelihara kawasan landskap dan rekreasi Majlis Perbandaran Kulai.
- Memberi perkhidmatan pinjaman dan sewaan pokok bunga hiasan serta rekabentuk hiasan pentas.
- Mengendalikan aduan awam yang berkaitan dengan penyelenggaraan landskap seperti mencantas pokok, pokok tumbang dan penebangan pokok yang membahayakan keselamatan harta dan nyawa penduduk.

### PERUNTUKAN KEMUDAHAN RIADAH DAN PENYELENGGARAAN POKOK (JANUARI - DISEMBER 2021)

KOD	BUTIRAN	2021	
		PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
26803	Alat Kecil Pertanian	30,000.00	0.00
26801	Baja	40,000.00	0.00
28210	Taman dan Kemudahan Riadah	4,005,000.00	3,760,844.87
28212	Penyelenggaraan Pokok-pokok	1,000,000.00	808,387.00
100301	Menaiktaraf Landskap	0.00	0.00
100302	Pengindahan Bandar	6,250,000.00	5,787,933.90
200401	Pembangunan Landskap	8,000,000.00	5,696,160.66

### PENCAPAIAN KEMPEN MENANAM POKOK TAHUN 2021 (JAN-DIS 2021)

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1	Pokok Teduhan	1083

### STATUS PERMOHONAN PELAN LANDSKAP TAHUN 2021 (JAN-DIS 2021)

BIL	JENIS BANGUNAN	JUMLAH PEMBANGUNAN
1	Perumahan	8
2	Perindustrian	22
3	Bangunan Awam	3
4	Pam Minyak	0
5	Kemudahan Asas	1
6	Asrama Pekerja	2
7	Kedai Pejabat	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN PEMBANGUNAN</b>		<b>36</b>

**JUMLAH PENYELENGGARAAN POKOK OLEH ANGGOTA PADA TAHUN 2021 (JAN-DIS 2021)**

BIL	PERMOHONAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH KESELURUHAN
1	Cantas Pokok	23	132	156	16	16	11	88	51	1	1	13	0	508
2	Tebang Pokok	64	46	42	41	27	37	35	50	19	54	55	33	503
3	Pokok Mati	1	3	9	10	0	9	11	10	1	3	5	8	70
4	Pokok Tumbang	11	5	6	13	13	11	3	4	8	11	2	5	92
	<b>JUMLAH</b>	99	186	213	80	56	68	137	115	29	69	75	46	1,173

**SENARAI TENDER BAGI KERJA-KERJA MENCANTAS DAN MENEBAANG POKOK MENGIKUT ZON TAHUN 2021**

BIL	PERKARA	KOS (RM)
1	Cadangan Kerja-kerja Mencantas Dan menebang Pokok Bagi Kawasan <b>ZON 1</b> Kulai Selatan, Sebahagian Bandar Putra, Sebahagian Bandar Indahpura, Saleng, Senai, Seelong, Bandar Pulau Jaya, Ulu Choh Dan Kangkar Pulau Serta Kerja-Kerja Berkaitan	1,500,000.00
2	Cadangan Kerja-Kerja Mencantas Dan Menebang Pokok Bagi Kawasan <b>ZON 2</b> Kulai Utara, Sebahagian Bandar Putra, Sebahagian Bandar Indahpura, Taman Sekitar Jalan Kulai – Kota Tinggi, Kelapa Sawit, Sedenak, Ayer Bemban Dan Bukit Batu Serta Kerja-Kerja Berkaitan	1,500,000.00

**SENARAI KERJA – KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP PERUNTUKKAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI****TENDER**

BIL	PERKARA	KELAS KERJA	KOS (RM)
1	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Mulai Daripada Persimpangan Bertingkat Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Hingga Ke Persimpangan Lampu Isyarat RTC Kulai Serta Kerja-Kerja Berkaitan  ( MPKu.LANDS.T/3/2021 )	G 4 CE 21	1,933,933.80
2	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Mulai Daripada Persimpangan Lampu Isyarat RTC Sehingga Persimpangan Kompleks Tol Sedenak Serta Kerja-Kerja Berkaitan  ( MPKu.LANDS.T/4/2021 )	G 4 CE 21	1,057,303.56

**TENDER**

BIL	PERKARA	KELAS KERJA	KOS (RM)
1	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di RTC Kulai Serta Kerja-Kerja Berkaitan  ( MPKu.LANDS.SH/1/2021 )	G 2 CE 21	407,337.80

## KERJA KERJA HIASAN PENTAS DAN BUNGA DI MAJLIS MAJLIS RASMI JABATAN KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN SEPANJANG TAHUN 2021



**KERJA – KERJA MENCANTAS DAN MENEBAK POKOK / ADUAN TAHUN 2021**





# JABATAN KEJURUTERAAN

- BAHAGIAN PEMBANGUNAN •
- BAHAGIAN KEJURUTERAAN •



Memberikan Perkhidmatan Dan Jaminan Berkredibiliti Terhadap Aspek-Aspek Pemajuan Bangunan Dan Struktur Binaan Di Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kulai.

## FUNGSI UTAMA

- a) Mengurus dan memproses permohonan Kelulusan Pelan Bangunan bagi Jawatankuasa OSC seperti:
  - i) Pembangunan Perumahan
  - ii) Pembangunan Kilang dan Industri
  - iii) Pelan Pelbagai (Bangunan seperti sekolah, hotel, stesyen minyak, rumah kedai dan lain-lain).
  - iv) Pelan Rumah Sesebuah
- b) Mengurus dan memproses Pelan Bangunan Di Bawah Akta 133 Ubahan Tambahan Bangunan dan Pelan Pindaan bagi Jawatankuasa OSC seperti :-
  - i) Pelan Perumahan
  - ii) Pelan Kilang/Industri
  - iii) Pelan Pelbagai ( asrama, bangunan kediaman, sekolah, stesyen minyak, rumah kedai dan lain-lain )
- c) Mengurus dan memproses permohonan Pelan Ubahan-Tambahan/Pelan Pindaan/Pelan As-Built Di Bawah Akta 133 Pelan Bangunan peringkat Pentadbiran Majlis seperti:
  - i) Rumah (teres,kluster,double story, semi-D, banglo dan lain-lain)
  - ii) Rumah Kedai / Kedai Pejabat
  - iii) Kilang
  - iv) Perumahan
  - v) Pelbagai (asrama pekerja, stesyen minyak, bangunan kediaman, rumah kedai, sekolah dan lain-lain)
- d) Mengurus dan memproses permohonan Permit Aktiviti Sementara Bagi Jawatankuasa OSC seperti:
  - i) Pelan Menara / Struktur Pemancar
  - ii) Aktiviti Sementara ( Bangunan )
- e) Mengurus dan memproses permohonan Permit Sementara peringkat Pentadbiran Majlis seperti:
  - i) Awning kilang
  - ii) Asrama pekerja
  - iii) Tutup jalan/Khemah/Pentas
  - iv) Awning kecil, Tembok dan lain-lain
  - v) Papan Iklan
- f) Mengurus dan memproses terimaan aduan berkenaan Jabatan Pembangunan seperti :-
  - i) Aduan Sispa
  - ii) Aduan Ahli Majlis
  - iii) Aduan orang awam
  - iv) Aduan Digital & Lain-lain
- g) Mengurus dan Melaksanakan Kawalan Pembangunan:-
  - i) Pengeluaran Notis Aduan Awam
  - ii) Pengeluaran Notis Segera
  - iii) Pengeluaran Notis Pelbagai
  - iv) Pengeluaran Notis Ubah-tambahan
- h) Mengurus dan Memproses Perakuan Pemulangan Wang amanah/deposit bagi Kelulusan Pelan-pelan pembangunan seperti :-
  - i) Perumahan
  - ii) Kilang dan Industri
  - iii) Pelbagai
  - vi) Rumah
  - v) Kedai Pejabat
- i) Mengurus dan memproses permohonan Carian Maklumat seperti :-
  - i) Salinan SKM (C.F.O.)
  - ii) Salinan CCC Bangunan
  - iii) Salinan Pelan
- j) Mengurus dan memproses pengesahan Perakuan Kelulusan Sijil Menduduki Bangunan ( BORANG F) seperti :-
  - i) Kilang / Industri
  - ii) Perumahan
  - iii) Pelbagai ( sekolah, bangunan kediaman, stesyen minyak, rumah kedai dan lain-lain )
  - iv) Rumah sesebuah
  - v) Rumah Kedai / Kedai Pejabat



## UNIT PEMBANGUNAN

- i) Pengurusan Dan Memproses Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan Bagi Pembangunan Perumahan/Kilang, Pelan Pelbagai (Sekolah, Kedai & Lain-Lain) Dan Rumah Sesebuah.
- ii) Pengurusan Dan Memproses Permohonan Sijil Kelayakan Menduduki, CCC.
- iii) Pengurusan Dan Memproses Permohonan Pelan Pindaan Dan Ubah Tambah Perumahan / Kilang, Pelan Dan Pelbagai (Sekolah, Kedai & Lain-Lain).
- iv) Memproses Permohonan Pengembalian Wang Amanah/Deposit.
- v) Pengurusan Dan Memproses Permohonan Kelulusan Pelan Menara/Struktur Pemancar.
- vi) Pengurusan Dan Memproses Permohonan Kelulusan Permit / Aktiviti Sementara.
- vii) Pengurusan Carian Maklumat Seperti Fail-Fail, Salinan Pelan, Salinan C.F.O Dan Salinan CCC.

## UNIT PENGUATKUASAAN & KAWALAN BANGUNAN

- i) Memproses Permohonan Kelulusan Ubah Tambahan Rumah & Ubah Tambahan Kedai.
- ii) Memproses Permohonan Permit Sementara Seperti Pemasangan Khemah Dan Awning.
- iii) Memproses Ulasan Permohonan Lesen Dan Carian Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (SKM) Bagi Unit Unit Kedai.
- iv) Memantau Pembangunan Ubah Tambahan Pembangunan Di Kawasan Majlis Perbandaran Kulai.
- v) Merancang Dan Menentukan Strategi-Strategi Dan Dasar-Dasar Kawalan Pembangunan Bagi Perlaksanaan Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai.
- vi) Mengadakan Lawatan Berkala & Membuat Laporan Bagi Pelanggaran Syarat Kegunaan Bangunan.
- vii) Membuat Siasatan, Membuat Laporan Dan Pengeluaran Notis Bagi Aduan Sispas, Aduan Ahli Majlis Dan Aduan Awam.
- viii) Mereka Bentuk Cadangan Bagi Binaan Untuk Projek-Projek Dalaman Majlis Perbandaran Kulai.

### PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL BERBANDING ANGGARAN HASIL

#### BAGI TAHUN 2020 DAN 2021



**PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL BERBANDING ANGGARAN HASIL MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**

TAJUK HASIL	2020			2021		
	ANGGARAN HASIL	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS %	ANGGARAN HASIL	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS %
Membaiki Bangunan	500.00	200.00	40.00	1,000.00	0.00	0.00
Permit Bangunan Sementara	300,000.00	633,624.55	211.21	500,000.00	781,180.00	156.23
Permit Meletak Bahan Binaan	15,000.00	15,168.00	101.12	25,000.00	30,452.00	121.80
Permit Tutup Jalan	25,000.00	28,390.00	113.56	25,000.00	18,432.00	73.72
<b>JUMLAH</b>	<b>340,500.00</b>	<b>677,382.55</b>	<b>198.93</b>	<b>551,000.00</b>	<b>830,064.00</b>	<b>150.64</b>

**UBAH TAMBAH, RUMAH SESEBUAH DAN MENARA**


- Memproses permohonan kelulusan ubah tambah, rumah sesebuah, menara dan struktur pemancar telekomunikasi.
- Memantau pembangunan ubah tambah, rumah sesebuah, menara dan struktur pemancar telekomunikasi di kawasan Majlis Perbandaran Kulai.
- Merancang dan menentukan strategi-strategi dan dasar-dasar pembangunan bagi pembangunan ubah tambah, rumah sesebuah, menara dan struktur pemancar telekomunikasi.


**PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL BERBANDING ANGGARAN HASIL MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2020 DAN 2021**

TAJUK HASIL	2020			2021		
	ANGGARAN HASIL	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS %	ANGGARAN HASIL	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS %
Proses Pelan	600,000.00	566,932.76	94.50	800,000.00	983,961.61	122.99
Sijil Kelayakan Menduduki (C.F.O)	300.00	50.00	16.66	500.00	1,440.00	288.00
Jualan Salinan Pelan	300.00	500.00	166.00	500.00	250.00	50.00
<b>JUMLAH</b>	<b>600,600.00</b>	<b>567,482.76</b>	<b>94.48</b>	<b>801,000.00</b>	<b>985,651.61</b>	<b>123.05</b>

## PERUMAHAN, KILANG DAN PELBAGAI

- Memproses permohonan kelulusan perumahan, kilang dan pelbagai.
- Memantau pembangunan perumahan, kilang dan pelbagai di kawasan Majlis Perbandaran Kulai.
- Merancang dan menentukan strategi-strategi dan dasar-dasar pengurusan pembangunan bagi pembangunan perumahan, kilang dan pelbagai.



## PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL BERBANDING ANGGARAN HASIL MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2020 DAN 2021

TAJUK HASIL	2020			2021		
	ANGGARAN HASIL	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS %	ANGGARAN HASIL	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS %
Denda Bangunan	80,000.00	191,540.10	239.42	200,000.00	216,535.10	108.26
Sumbangan Pembuangan Sampah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>SUMBANGAN PERKHIDMATAN KEMAJUAN (ISF)</b>	4,800,000.00	6,145,393.51	128.02	6,000,000.00	8,627,684.41	143.79
<b>JUMLAH</b>	<b>4,880,000.00</b>	<b>6,336,933.61</b>	<b>129.85</b>	<b>6,200,000.00</b>	<b>8,844,219.51</b>	<b>142.64</b>

## JUMLAH PERMOHONAN KILANG, PELBAGAI DAN PERUMAHAN TAHUN 2020 & 2021

BIL	TAHUN	KILANG	PELBAGAI	PERUMAHAH	JUMLAH
1.	2020	16	17	9	42
2.	2021	30	14	9	53

## JUMLAH PERMOHONAN UBAH TAMBAH DAN PINDAAN KILANG, PELBAGAI DAN PERUMAHAN TAHUN 2020 & 2021

BIL	TAHUN	KILANG	PELBAGAI	PERUMAHAH	JUMLAH
1.	2020	13	10	9	32
2.	2021	6	3	1	10

## JUMLAH PERMOHONAN MENARA, RUMAH SESEBUAH DAN UBAH TAMBAH RUMAH TAHUN 2020 & 2021

BIL	TAHUN	MENARA	RUMAH SESEBUAH	UBAH TAMBAH RUMAH	JUMLAH
1.	2020	8	13	228	249
2.	2021	9	19	358	386

## JUMLAH PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA DAN PERMIT AKTIVITI SEMENTARA TAHUN 2020 & 2021

BIL	TAHUN	KILANG	PELBAGAI	PERUMAHAH	JUMLAH
1.	2020	2020	40	12	52
2.	2021	2021	90	14	104

**LAWATAN CFO/CCC**



**LAWATAN CFO/CCC**



**LAWATAN CFO/CCC**



**LAWATAN CFO/CCC**




**LAWATAN CFO/CCC**



## GAMBAR AKTIVITI DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2021

### LAWATAN BERKALA DAN PROSES PENAMPALAN NOTIS


1. Membina struktur bangunan tanpa kebenaran



2. Binaan halangan dan pagar pada laluan pejalan kaki.



3. Binaan halangan di lorong belakang.



4. Mendirikan premis perniagaan di atas rizab jalan tanpa mendapatkan kebenaran.



**5. Pengubahsuaian bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Berkuasa Tempatan.**



**6. Membina bangunan sementara tanpa mendapat kebenaran pihak Berkuasa Tempatan.**



**7. Binaan haram dan peninggalan barangan dagangan di atas rizab jalan.**



**GAMBAR AKTIVITI DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2021**

1. Mengadakan Majlis Tahlil & Bacaan Yassin Sempena Berpindah Ke Blok B, MPKu.



2. Tempat Ketiga Pertandingan Rekacipta Barangan Kitar Semula Anjuran Jabatan Kesihatan, MPKu.




## BAHAGIAN KEJURUTERAAN

Merancang Dan Melaksanakan Projek-Projek Pembangunan, Kemudahan Awam Yang Praktikal, Sesuai Dengan Keperluan Semasa.

Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab dalam hal-hal pengurusan, penyelarasan dan penyediaan setiap pelan pembangunan infrastruktur dan kerja tanah, dan memperakukan polisi dan dasar yang berkaitan dengan pembangunan kawasan Majlis. Bagi memastikan kemudahan dan infrastruktur berkeadaan baik dan selamat, selain membina, jabatan ini menyelenggara dan membaiki kemudahan asas, infrastruktur, sistem, saluran serta meningkatkan taraf prasarana bagi menggalakkan kegiatan ekonomi dan sosial yang berdaya maju. Selain itu, jabatan ini menyelaras dan menyelenggara sistem jalan dan trafik.

### RINGKASAN JUMLAH & PERATUSAN PERBELANJAAN PENYELENGGARAAN DAN PEMBANGUNAN 2021



## CARTA ORGANISASI DAN PERANAN SETIAP UNIT

### UNIT KEMUDAHAN AWAM

Mengurus pelaksanaan projek pembinaan kemudahan awam baru, naiktaraf dan baikpulih:-

#### DEWAN, GERAJ & BALAIRAYA



#### TAMAN AWAM, TEMPAT REKREASI, HUTAN BANDAR, TAMAN PERMAINAN



#### PERSIAPAN PROGRAM DALAM DAERAH



#### BANGUNAN-BANGUNAN MPKu



#### GELANGGANG, PADANG & STADIUM




#### TANDAS & PASAR AWAM

### UNIT JALAN



MEMANTAU SECARA BERKALA BAGI PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN



MENGURUS PERLAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN JALAN BARU, NAIKTARAF DAN BAIKPULIH SERTA MERANCANG SISTEM JARINGAN JALANRAYA BANDARAN



MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PENAMBAHBAIKAN SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM DI KAWASAN PERBANDARAN



MENGURUS AKSESORI PERABOT JALAN, JAMBATAN, PERSIMPANGAN, PUSINGAN BULATAN DAN LAIN-LAIN



### UNIT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR



MEMPROSES PERMOHONAN CCC BAGI PEMAJUAN DI DALAM KAWASAN MAJLIS



## UNIT PENYELENGGARAAN KENDERAAN

Unit penyelenggaraan kenderaan telah berada dibawah tanggungjawab Jabatan Kejuruteraan bermula pada tahun 2015. Bertanggungjawab dalam memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan yang kondusif dan memastikan pengurusan kenderaan dilaksanakan dengan teratur, berkesan dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Mengawal sella kenderaan Jabatan dengan memastikan kenderaan diselenggara mengikut peraturan yang telah ditetapkan.



Memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik bersih, selamat & sedia digunakan pada bila-bila masa.




Memastikan kenderaan baru diperiksa dengan teliti supaya mengikut spesifikasi dan peraturan yang ditetapkan.



## UNIT PENYELENGGARAAN KENDERAAN

APA YANG KAMI PERIKSA? Pemeriksaan kenderaan secara berkala



## UNIT PENYELENGGARAAN KENDERAAN

Terdapat 99 jumlah kenderaan termasuk jentera dan mesin ringan

KENDERAAN PENUMPANG	10 UNIT	
LORI	24 UNIT	
PICK UP	10 UNIT	
4X4 / SUV	17 UNIT	
MOTORSIKAL	23 UNIT	
VAN PENUMPANG	4 UNIT	
JENTERA	11 UNIT	

## MEMBINA TUGU TULISAN 3D



BIL.	JENIS MERCU TANDA	LOKASI
1	Tugu 'I love Kulai'	Berhadapan bangunan MPKu
2	Tugu 'Kulai Bandar Bahagia'	Jalan Persekutuan
3	Tugu 'Kulai Kesayangan Kita'	Berhadapan Pusat Komuniti Desa
4	Tugu I Love Kulai	Hutan Bandar MPKu
5	Tugu I Love Kulai	Lorong Kita
6	Tugu Seelong	Jalan Seelong
7	Tugu Senai	Bandar Senai
8	Tugu Kelapa Sawit	Pekan Kelapa Sawit
9	Tugu Senai	Bandar Senai
10	Jejantas lengkap dengan tulisan dan logo	Berhadapan Taman Scientex Utama
11	Tugu Bandar Pulai Jaya	Bandar Pulai Jaya

**MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF FASILITI SEDIAADA TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI HUTAN BANDAR MPKU**



PROJEK	Membaikpulih Dan Menaiktaraf Fasiliti Sediaada Taman Permainan Kanak-kanak Di Hutan Bandar Mpkmu
TARIKH MULA	15 Ogos 2021
TARIKH SIAP	20 November 2021
KOS SYILING	RM 543,939.00
KOMPONEN PROJEK	Membina taman permainan berbumbung, memasang interlocking dan tempat duduk
IMPAK PEMBANGUNAN	Memberi imej baru kepada hutan bandar dengan kemudahan yang lebih segar dan ceria untuk kanak-kanak

### KERJA MENAIKTARAF SERTA MENAMBAH BANGUNAN GYM MUAFAKAT JOHOR DI HUTAN BANDAR PUTRA KULAI



PROJEK	Kerja Menaiktaraf Serta Menambah Bangunan Gym Muafakat Johor Di Hutan Bandar Putra Kulai
TARIKH MULA	1 Julai 2021
TARIKH SIAP	22 September 2021
KOS SYILING	RM 162,201.00
KOMPONEN PROJEK	Menambah bangunan baru untuk kegunaan wanita, ruang rehat dan tapak J robik,
IMPAK PEMBANGUNAN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penambahan ruang baru dapat memberi keselesaan terutamanya pengguna wanita</li> <li>2. Penambahbaikan seperti penambahan ruang rehat dan tapak J robik dijangka dapat memberi tarikan kepada masyarakat setempat bagi memanfaatkan kemudahan yang disediakan.</li> </ol>



KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN SERBAGUNA TAMAN AMAN SENAI



**KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH GELANGGANG FUTSAL JALAN CEMPAKA, INDAHPURA, KULAI, JOHOR**




**CADANGAN MEMBINA GELANGGANG FUTSAL DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN SENA, INDAHPURA, KULAI**



**CADANGAN MEMBINA TAPAK PENJAJA GERAI DI TAMAN SUTERA, SALENG, DAERAH KULAI, JOHOR**



KERJA-KERJA MENAIKTARAF SURAU IBNU MAKHTUM



KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH LALUAN PEJALAN KAKI, KERB JALAN, RAILING DAN TULISAN BERLAMPU DI HADAPAN BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI DAN GERAJ MPKu SERTA KERJA - KERJA BERKAITAN.

ISU / MASALAH	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerosakan pada perabot jalan disekitar Menara MPKu terutama pada railing penghadang jalan kaki sediada.</li> <li>2. Kekurangan keindahan pada landskap dikawasan sekitar Menara MPKu.</li> </ol>
TARIKH MULA	1 Disember 2021
TARIKH SIAP	23 Februari 2022
KOS SYILING	RM 929,122.60
KOMPONEN PROJEK	Membaikpulih laluan pejalan kaki, kerb jalan, railing serta tulisan berlampu di sekitar Kawasan Menara dan gerai makan MPKu.
IMPAK PEMBANGUNAN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberikan keselamatan kepada pengguna pejalan kaki kerana ianya berdekatan dengan bangunan pejabat kerajaan.</li> <li>2. Memberikan keindahan landskap serta menaikkan lagi imej MPKu kepada orang awam.</li> </ol>



**KERJA-KERJA MEMBINA PONDOK BAS BARU SERTA KERJA BERKAITAN DI PERSIMPANGAN SENGKANG, 81000 KULAI.**

ISU / MASALAH	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Struktur pondok bas adalah rendah daripada aras jalan dan menjadikan takungan air hujan dan ketidakselesaan kepada pengguna.</li> <li>2. Struktur pondok bas yang telah usang dan lusuh di jalan persekutuan.</li> </ol>
TARIKH MULA	24 Mei 2021
TARIKH SIAP	5 Julai 2021
KOS SYILING	RM 34,175.10
KOMPONEN PROJEK	Meroboh dan membina semula satu unit pondok bas baru serta kerja berkaitan di persimpangan Sengkang Kulai.



MEMBEKAL DAN MEMASANG PENDAWAIAN BARU BAGI LAMPU HIGHT BAY DAN KERJA BERKAITAN DI GELANGGANG TERTUTUP JALAN MERBUK 5, BANDAR PUTRA, KULAI

ISU / MASALAH	1. Pencahayaan yang tidak menyeluruh dan berfungsi dengan baik. Dicadangkan kerja bekal dan pasang pendawaian baru bagi lampu hight bay
TARIKH MULA	7 OGOS 2021
TARIKH SIAP	5 SEPTEMBER 2021
KOS SYILING	RM 19,950.00
KOMPONEN PROJEK	Pendawaian semula dan lampu hight bay
IMPAK PEMBANGUNAN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna gelanggang tertutup.</li> <li>2. Aktiviti rekreasi dan riadah dapat dilakukan dengan selesa dan selamat</li> </ol>



KERJA-KERJA PENDAWAIAN LAMPU LIMPAH JENIS LED DAN KERJA BERKAITAN DI GELANGGANG FUTSAL JALAN JATI 14, BANDAR PUTRA, KULAI

ISU / MASALAH	1. Pencahayaan tidak berfungsi dengan baik. Dicadangkan kerja bekal dan pasang pendawaian lampu limbah jenis LED.
TARIKH MULA	10 OKTOBER 2021
TARIKH SIAP	30 OKTOBER 2021
KOS SYILING	RM 19,650.00
KOMPONEN PROJEK	Pendawaian semula dan lampu limbah LED.
IMPAK PEMBANGUNAN	1. Menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna gelanggang futsal. 2. Aktiviti rekreasi dan riadah dapat dilakukan dengan selesa dan selamat



## TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM)

TPPM merupakan sebuah program membaikpulih / menyelenggara rumah berstrata kos rendah / sederhana rendah swasta

### Tujuan

- Menyediakan persekitaran kediaman yang selesa dan berkualiti kepada penghuni perumahan berstrata.
- Membantu pihak badan pengurusan (JMB/MC) menyediakan peruntukan untuk membaikpulih dan menyelenggara perumahan berstrata

Kumpulan sasar :- penghuni perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan WP Labuan

### Skop kerja TPPM

1. Baiki / ganti lif / AVAS
2. Baiki / ganti tangga air dan sistem retikulasi
3. Baiki / ganti paip sanitari
4. Baiki / ganti bumbung
5. Baiki / ganti tangga dan susur tangan (handrail)
6. Mengecat bangunan
7. Pendawaian semula elektrik
8. Membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni dan melibatkan harta Bersama
9. Membaiki pagar
10. Membaiki cerun

### PROJEK TPPM 2021

1. Menaiktaraf infrastruktur tangki air di Sri Putra Apartment
2. Turap semula jalan dan pasang pagar – Skim Kos Rendah Taman Desa Idaman (Sri Bayu)
3. Turap semula jalan dan pasang pagar – Skim Kos Rendah Taman Permata Impian
4. Mengecat bangunan di Skim Kos Rendah Taman Desa Idaman (Sri Indah)
5. Mengecat bangunan di Sri Putra Apartment, bandar Putra
6. Mengecat bangunan di Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Putri
7. Mengecat bangunan di Rumah Pangsa Taman Harmoni
8. Membina pagar di Rumah Pangsa Kos Rendah Temenggong

### KERJA MENGECAT DI SRI PUTRA APARTMENT



### KERJA MENGECAT RUMAH PANGSA TAMAN HARMONI KULAI



KERJA MENGECAT DAN MENURAP SEMULA JALAN DI SKIM KOS RENDAH TAMAN DESA IDAMAN (SRI INDAH)



**PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN JALAN-JALAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SECARA BERSEPADU DENGAN KERJASAMA MPKU DAN SAFWA GLOBAL VENTURE SDN BHD DALAM DAERAH KULAI**

**1. JALAN PUTRA UTAMA (3km)**



**2. TAMAN RIA BUKIT BATU (1.7km)**



3. TAMAN SENAI UTAMA (2.1km)



4. TAMAN MANIS KULAI (1.2km)



5. JALAN JUMBO LAPANGAN TERBANG SENAI (3km)



6. JALAN MERAK UTAMA (1.5km)



7. TAMAN MAKMUR KULAI (2.7km)



8. JALAN PERSIARAN TROPIKA (2.8km)



9. KAMPUNG SEPARA (2.3km)



10. PEMBAIKAN KECEMASAN CERUN – JALAN PULAI MESRA 6



11. PEMBAIKAN KECEMASAN CERUN – JALAN PERSIARAN INDAH PURA 6



**12. KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LONGKANG PENYELENGGARAAN BERKALA BUKAN PAVEMENT DI JALAN PERSIARAN PUTRI 6/11, TAMAN PUTRI KULAI**



**13. KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LONGKANG PENYELENGGARAAN BERKALA BUKAN PAVEMENT DI JALAN BESI 1, TAMAN PERINDUSTRIAN KELAPA SAWIT**



**14. KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LONGKANG PENYELENGGARAAN BERKALA BUKAN PAVEMENT DI JALAN PERSIARAN PUTRI 2/9,TAMAN PUTRI KULAI**



**15. KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LONGKANG PENYELENGGARAAN BERKALA BUKAN PAVEMENT DI JALAN PERSIARAN PUTRI 2,TAMAN PUTRI KULAI**



## PROJEK 2021 - KERJASAMA MPKU DAN KONSESI SAFWA

KERJA KERJA KECEMASAN MEMBAIKPULIH KEROSAKAN TEMBOK PENAHAN PARIT MONSOON YANG RUNTUH SERTA KERJA KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN UBI REBUS KAMPUNG ULU CHOY DAERAH KULAI

Pada 13 Mei 2020, satu kejadian banjir kilat luar jangka telah berlaku di Kampung Melayu Ulu Choh dimana beberapa buah rumah telah terkesan dengan kejadian tersebut dan berlaku kerosakan lain seperti runtuh tebing parit monsun dan struktur saluran di kawasan berhampiran. Beberapa rumah telah ditenggelami banjir lumpur dan ianya juga melibatkan kerosakan harta benda awam.

Masalah banjir kilat yang berlaku hampir setiap kali hujan lebat juga berpunca dari kuantiti air hujan yang besar dari hulu Sungai Pontian dan bertumpu ke kawasan tersebut. Apabila kerosakan berlaku pada struktur binaan tebing parit monsun sediaada, ia telah menyebabkan gangguan terhadap kelancaran aliran air sungai dan keadaan diburukkan lagi dengan saiz kelebaran dan kedalaman parit sediaada yang sempit dan halangan oleh jambatan yang merentangi parit monsun tersebut. Pihak Majlis juga telah melaksanakan kerja pembersihan runtuh parit tersebut secara berkala namun masalah banjir kilat berulang kembali. Projek ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir kilat dan tembok runtuh di kawasan tersebut.

TARIKH MULA	18 JANUARI 2021
TARIKH SIAP	31 JANUARI 2022
KOS SYILING	RM 2,886,091.29
JUSTIFIKASI PROJEK	Bagi mengatasi masalah banjir kilat dan tembok runtuh
KOMPONEN PROJEK	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membina tembok konkrit L shape 3000mm x 3000mm sepanjang 400m</li> <li>2. Membina jambatan jenis Arc Culvert</li> <li>3. Membina besi penghadang parit</li> <li>4. Membaikpulih kemudahan sediaada</li> </ol>



## MENAIKTARAF LONGKANG KONKRIT DAN KERJA BERKAITAN DI TMN PULAI RIA, KANGKAR PULAI, KULAI

Masalah banjir kilat yang berlaku hampir setiap kali hujan lebat juga berpunca dari kuantiti air hujan yang besar bertumpu ke kawasan tersebut menyebabkan gangguan terhadap kelancaran aliran air dan keadaan diburukkan lagi dengan saiz kelebaran dan kedalaman parit sediaada yang sempit.

TARIKH MULA	15 JUN 2021
TARIKH SIAP	4 OKTOBER 2021
KOS SYILING	RM 549,365.28
JUSTIFIKASI PROJEK	Bagi mengatasi masalah banjir kilat
KOMPONEN PROJEK	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Membina tembok konkrit L shape 1950mm x 1840mm X 1m sepanjang 158m</li><li>2. Membina besi penghadang parit dan perabot jalan</li><li>3. Membaikpulih kemudahan sediaada</li></ol>



## PROJEK 2021 - PROJEK DI BAWAH SELIAAN PEMAJU

PROJEK	Cadangan Melaksanakan Dan Menyiapkan Infrastruktur Jalan, Perparitan Dan Telekomunikasi Bagi Peripheral Road (Pr4) Di Kulai Iskandar Data Exchange (KIDEX), Kawasan Perindustrian Kulai, Mukim Bukit Batu, Daerah Kulai, Johor Darul Takzim		
TUJUAN PEMBINAAN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berfungsi sebagai jalan keluar masuk kedua bagi pembangunan Pusat Data 'Projek BLUE'.</li> <li>2. Salah satu laluan talian telekomunikasi bagi kawasan tersebut</li> </ol>		
KOMPONEN PROJEK	Pembinaan Infrastruktur Jalan, Perparitan & Telekomunikasi dan Lanskap		
KOS PROJEK	RM 4,000,000.00	PANJANG JALAN	150 Meter
TARIKH MULA	22 Februari 2021	TARIKH SIAP	05 April 2021
KONTRAKTOR	Ceria Abadi Enterprise & Construction		
IMPAK PEMBANGUNAN	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kemudahan asas infrastruktur yang tersedia boleh menjadi pemangkin ke arah pembangunan pelabur pada masa akan datang.</li> <li>2. Merancakkan lagi pembangunan kawasan perindustrian di sekitarnya.</li> </ol>		



<b>PROJEK</b>	Penyelenggaraan Jalan Lebuhraya Putra Utama Dari Pusingan Bulatan Gate B Hingga Sepanjang Hadapan Hutan Bandar, Mukim Senai, Daerah Kulai, Johor Darul Takzim Untuk Tetuan Nice Frontier Sdn. Bhd
<b>ISU / MASALAH</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laluan utama yang digunakan sebagai jalan penghubung ke Hutan Bandar Putra.</li> <li>2. Merupakan jalan keluar masuk kedua yang digunakan bagi mengelakkan kesesakan lalulintas di Persimpangan Bertingkat IOI, Bandar Putra.</li> <li>3. Memandangkan laluan tersebut menjadi tumpuan orang awam bagi aktiviti riadah/berbasikal, ciri-ciri keselamatan perlu diterapkan.</li> </ol>
<b>KOMPONEN PROJEK</b>	Pembinaan jalan 2 lorong dua hala merangkumi sistem saliran, lampu jalan, lanskap dan lain-lain perabot jalan.
<b>IMPAK PEMBANGUNAN</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengurangkan kesesakan dan kepadatan trafik di Persimpangan Bertingkat IOI, Bandar Putra terutamanya pada waktu puncak.</li> <li>2. Penyelenggaraan jalan yang baik merupakan salah satu langkah bagi mengurangkan risiko berdepan dengan kemalangan.</li> <li>3. Merancang lagi pembangunan kawasan perumahan dan perindustrian di Bandar Putra dan Senai.</li> <li>4. Dengan adanya aktiviti riadah/berbasikal, ia menghidupkan dan menjadikan kawasan tersebut berfungsi dengan baik.</li> </ol>




**CADANGAN PERDAGANGAN YANG MENGANDUNGI:**

1. 32 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT
2. 16 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT
3. 2 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK (DUA RUANG)

DI ATAS PTD 196171 (ASALNYA SEBAHAGIAN PTD 95462), MUKIM TEBRAU, DAERAH JOHOR  
BAHRU, JOHOR DARUL TAKZIM

PEMAJU: I PARK DEVELOPMENT SDN. BHD



CADANGAN PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN DI ATAS PTD 175299, MUKIM  
TEBRAU, DAERAH JOHOR BAHRU, JOHOR

PEMAJU: ECO BUSINESS PARK 2



## SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

Kerja-kerja persiapan Sekatan Jalan Raya (SJR) dibawah seliaan MPKu:-

1. Tol Skudai
2. Tol Kulai
3. Tol Sedenak
4. Tol Senai Utara
5. Bukit Batu



Kerja-kerja persiapan pusat vaksin dibawah seliaan MPKu:-

1. Dewanraya Putra
2. Dewanraya Kampung Melayu

Pusat Vaksin Mobile :

1. Kompleks Penghulu Sedenak
2. Dewan Taman Senai Baru
3. Dewan Selasih Senai
4. Dewan Felda Bukit Batu
5. Felda Bukit Permai



## JOHAN PERTANDINGAN PRODUK BARANG KITAR SEMULA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGASINGAN SISA BAHAN KITAR SEMULA & SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI Khamis, 18 November 2021, Dewan Bandar Putra Pelancaran Program Pengasingan Sisa Bahan Kitar Semula telah disempurnakan oleh Tuan Haji Natazha Bin Hariss, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai. Program ini diadakan sempena Sambutan Hari Kitar Semula yang diadakan setiap tahun pada 11 November setiap tahun. Program ini bertujuan untuk memupuk dan mendidik serta memberi pendedahan amalan kitar semula kepada kerja Majlis Perbandaran Kulai bagi menjalankan aktiviti Pengasingan Sisa Bahan Kitar Semula di pejabat serta kediaman. Selain itu sambutan ini juga sebagai pemangkin pembudayaan amalan 3R ( Reduce, Reuse, Recycle ) di daerah Kulai selaras ke arah matlamat Kulai Bandar Rendah Karbon pada masa akan datang. Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk memeriahkan lagi acara ini antaranya pertandingan produk bahan kitar semula peringkat jabatan di Majlis Perbandaran Kulai. Jabatan Kejuruteraan telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan tersebut



## AKTIVITI BAHAGIAN KEJURUTERAAN

### PROGRAM MEMBUDAYAKAN ALQURAN PERINGKAT JABATAN



MAJLIS KHATAM ALQURAN PERINGKAT JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN KULAI

**MAJLIS KHATAM AL-QURAN  
PERINGKAT JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN KULAI**

**KHAMIS, 29 APRIL 2021, 10.00 PAGI  
TINGKAT 4, JABATAN KEJURUTERAAN  
KOD PAKAIAN: BAJU MELAYU / BAJU KURUNG**

*Ketibaan Anggota Kerja  
Ketibaan Ketua Jabatan  
Majlis Khatam Alquran & Bacaan  
Doa  
Penyampaian Sumbangan  
Cabutan Bertuah  
Sesi Bergambar  
Rakaman Video Raya  
Majlis Bersurai*



MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA TAHUN BARU DAN APRESIASI STAF KEJURUTERAAN MPKu





# JABATAN KESIHATAN AWAM

**Memastikan Pengeluaran Lesen  
Dan Kesihatan Persekitaran Yang Kompeten  
Dilaksanakan Di Segenap  
Aspek Perbandaran.**



## JABATAN KESIHATAN AWAM

Jabatan ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan U32 dan dibantu oleh 4 orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29. Jabatan ini juga dibantu oleh 1 orang Pembantu Tadbir (N22) dan 6 orang Pembantu Tadbir (N19), seorang Pembantu Operasi (N11), seorang Pembantu Awam (H11) dan seorang Pemandu Kenderaan (H11). Jabatan ini mempunyai 15 orang kakitangan sokongan sebagai kumpulan pelaksana yang merupakan barisan hadapan bagi melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan terus di Jabatan Pelesenan.

### FUNGSI JABATAN

1. Urusan konsultasi, semakan dan penerimaan permohonan Lesen Premis Perniagaan Berisiko, Lesen Premis Perniagaan Tidak Berisiko, Pasar Malam, Penjaja, Gerai, Pasar Awam, Lesen Sementara Perniagaan dan Lesen Papan Iklan, Lesen Papan Iklan Luaran dan Lesen Promosi.
